

PPIB UMS laksana projek pembelajaran penjara modul sains dan matematik

UB 08.04.2022 P.02

KOTA KINABALU: Lebih banyak khidmat masyarakat perlu dilaksana oleh kalangan ahli akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui penggunaan dana geran penyelidikan untuk memindahkan ilmu kepada masyarakat di luar kampus.

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS Prof. Madya Dr Lai Yew Meng, berkata penggunaan geran penyelidikan untuk melaksanakan khidmat masyarakat diharapkan dapat memperluas penglibatan ahli akademik dalam masyarakat tanpa memerlukan dana tambahan dari universiti.

"Khidmat masyarakat juga perlu dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan pelbagai golongan sasaran dan kawasan di negeri ini," katanya.

Dr Lai yang diwakili Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Khidmat Komuniti PPIB Prof. Madya Dr. Halina Sendera Mohd Yakin, memulakan khidmat masyarakat di Sekolah Integriti Pusat Penjara di sini.

Kira-kira 15 ahli akademik dari pelbagai fakulti UMS diketuai Dr Esther Jawing melaksanakan program enam minggu melalui penyelidikan 'Prison Learning Project' bermula 05 April.

Melalui program itu, pengajaran modul Sains dan Matematik dijalankan bersama kalangan ahli akademik UMS dan guru-guru sekolah



KENANGAN: Halina menyampaikan modul sains dan matematik kepada PKK Teyun.

integriti itu yang disusuli interaksi dengan banduan muda di penjara berkenaan.

Hadir sama TPP Jaini Ayong, Ketua Unit Pengurusan Banduan.

Esther seterusnya mem-

beritahu program sama akan dilaksanakan di Keningau pada Jun yang akan melibatkan kalangan guru serta pelajar di SMK Keningau.

Sementara itu Pengerusi Libat Sama dan Jaringan

Komuniti (Organisasi Luar) PPIB Dr. Budi Anto Mohd Tamring berkata khidmat masyarakat itu dilaksanakan melalui geran penyelidikan Skim Dana Khas UMS (SDK0317-2020).